

16/05/1998

Sudan mahu pertingkatkan hubungan, kerjasama

Mior Kamarul Shahid in Khartoum (Sudan)

KHARTOUM (Sudan), Jumaat - Sudan menganggap lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai mercu hubungan yang akrab antara kedua-dua negara dengan harapan kerjasama Malaysia - Sudan dapat ditingkatkan.

Perkara ini dinyatakan Presiden Sudan, Hassan Ahmed al-Bashir ketika mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di sini, semalam. Turut serta ialah perwakilan daripada kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata kedua-dua pemimpin menegaskan perlunya bidang kerjasama merangkumi pelbagai bidang diperluaskan.

Abdullah berkata, Dr Mahathir menjelaskan kepada pemimpin Sudan itu bahawa negara itu mempunyai potensi yang besar untuk maju memandangkan ia begitu kaya dengan sumber alamnya.

Sudan juga mengeluarkan daging ternakan dan buah-buahan yang berkualiti. Malaysia menyatakan hasratnya untuk membeli keluaran negara itu kerana harganya lebih murah daripada negara lain.

Dr Mahathir juga mencadangkan supaya Malaysia dan Sudan menggunakan mata wang masing-masing dalam urus niaga perdagangan antara kedua-dua negara. Presiden Bashir bersetuju dengan cadangan Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menjelaskan pendekatan Malaysia membangunkan negara khususnya dalam usaha mewujudkan perpaduan dan kerjasama kaum dengan mengamalkan toleransi agama dan mengutamakan muafakat.

Dr Mahathir juga memuji usaha Sudan dalam meningkatkan arus pembangunan dan kemajuan Islam.

Menurutnya, sebelum ini beliau mempunyai persepsi yang berbeza terhadap Sudan. Sebaliknya keadaan sebenar adalah berbeza daripada apa yang dihebohkan.

Beliau dapati wujud toleransi agama dan kerajaan memberi kebebasan kepada rakyatnya mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Dr Mahathir juga menjelaskan falsafah pembangunan di Malaysia menerusi perkongsian bijak.

Untuk itu, Dr Mahathir menjemput Presiden Bashir menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi, tahun ini. Bashir setuju hadir.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perbincangan dengan Naib Presiden Pertama Sudan, Ali Osman Mohamed Taha diikuti Presiden Dewan Mesyuarat Negara, Hassan Al-Turabi yang juga Setiausaha Agung Kongres Nasional.

(END)